



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**PROGRAM SEMARAK DESA,  
KAMPUNG ANGKAT MADANI NRES 2025**

**10 JANUARI 2025 (JUMAAT)**

**KAMPUNG ARIL, KOTA BHARU KELANTAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

**1. YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

**2. YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip**

Timbalan Ketua Setiausaha, Sumber Asli (NRES)

**3. YBrs. En. Wan Muhamad Ridhwan bin Wan Abdul Rahman**

Pengerusi Komuniti MADANI Melor

**4. YBrs. Encik Nik Muhd Nur Azri bin Hj. Shafie**

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan  
Kampung Persekutuan

5. Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan

6. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi NRES

7. Ketua-Ketua Komuniti Kampung Aril

8. Hadirin yang saya hormati sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita semua dapat bersama-sama berkumpul untuk memeriahkan Program Semarak Desa, Kampung Angkat Madani NRES 2025 pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan merasa amat teruja atas sambutan meriah yang diberikan oleh hadirin sekalian. Di kesempatan ini, rasanya belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan

datang bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.

3. Untuk makluman semua, penganjuran program hari ini merupakan acara simbolik kepada penyerahan Program Kampung Angkat Madani NRES yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada NRES untuk menyantuni pelbagai lapisan rakyat, serta mengajak semua untuk membudayakan amalan kelestarian dan gaya hidup hijau.
4. Kegiatan-kegiatan pada hari ini seperti sukan rakyat dan gotong-royong, meskipun dilihat sebagai satu skop kegiatan ringan, tetapi banyak membawa makna kepada generasi hari ini terutamanya dalam menyemai semangat perpaduan dan gaya hidup sihat di kalangan kita.

## **PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Keprihatinan Kerajaan terhadap komuniti adalah aspek penting dalam sesebuah negara untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan kemajuan bersama. Program Kampung Angkat Madani merupakan satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan 2024 yang bertemakan 'Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat'.

6. Inisiatif ini merupakan salah satu daripada manifestasi Kerajaan untuk merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar dengan memberi tumpuan kepada aspek melengkapkan kemudahan asas di kawasan desa yang terpinggir. Sejumlah RM100 juta peruntukan telah disediakan oleh Kerajaan dengan pecahan setiap kampung angkat menerima peruntukan berjumlah RM2.5 juta.
  
7. Dalam perkara ini, NRES telah memilih Kampung Aril sebagai Kampung Angkat Kementerian yang mempunyai banyak keistimewaan dari segi adat budaya dan alam semula jadinya. Seperti yang kita semua maklum, negeri Kelantan sendiri amat sinonim dengan pelbagai warisan dan aktiviti kebudayaan, sesuai dengan imejnya sebagai salah sebuah negeri tarikan pelancong domestik dan luar negara.
  
8. Hasil kerjasama erat bersama wakil komuniti dan Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (ICU JPM), sebanyak 21 projek dan program telah berjaya dilaksanakan meliputi beberapa skop iaitu:
  - (i) Pertama, skop penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam yang meliputi kerja-kerja menaiktaraf klinik, masjid, rumah ibadat, jalan, dan lampu solar;
  
  - (ii) Kedua adalah skop pembangunan sosial yang merangkumi pelaksanaan pemeriksaan kesihatan, pendaftaran Sistem PADU, penganjuran aktiviti kebudayaan dan sukan; dan

(iii) Seterusnya adalah skop kelestarian alam, yang merangkumi pelaksanaan Program Rumah Ibadat Hijau, Pembangunan Pusat Pengumpulan e-Waste dan 3R serta Kempen Amalan Gaya Hidup Hijau.

9. Sesungguhnya, pelaksanaan projek-projek sebegini dapat menjadi penanda aras dalam memastikan capaian liputan kemudahan asas seperti air, elektrik, jalan, lampu jalan dan kemudahan masyarakat dapat dipertingkatkan melalui pendekatan whole-of-government.

## **INISIATIF DI BAWAH NRES**

Hadirin sekalian,

10. Pada hari ini, NRES bersama Jabatan dan Agensi turut membuka reruai pameran bagi memberi peluang kepada masyarakat di sini mendekatkan diri dan mendapatkan perkhidmatan secara terus dengan Jabatan dan Agensi di bawah NRES. Saya yakin saudara-saudari sedikit-sebanyak dapat memperolehi pelbagai maklumat berguna melalui penyertaan dalam reruai pameran yang disediakan, di samping boleh berinteraksi dengan pihak Jabatan.
11. Sebagai sebuah Kementerian yang menerajui sektor sumber asli dan kelestarian alam, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan demi memastikan khazanah sumber asli negara terus kekal terpelihara dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh NRES adalah:

i. Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta Pokok diperkenalkan bagi memastikan negara dapat mengekalkan 50 peratus litupan kawasan berhutan negara selaras dengan komitmen semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992. Alhamdulillah, NRES telah berjaya mencapai sasaran penanaman pokok yang ke-100 juta pada 10 Disember 2024 lalu. Pencapaian ini lebih awal dicapai berbanding sasaran pada tahun 2025.

ii. Dalam memacu inisiatif konservasi flora dan fauna, Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3) merupakan salah satu usaha bagi meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pengawalan berasaskan strategi sifar pemburuan haram termasuk di habitat utama Harimau Malaya. Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan telah memperuntukkan RM80 juta untuk melantik 2,500 renjer komuniti berbanding 2,000 orang pada tahun lalu bagi tujuan membanteras aktiviti penyeludupan haram, pencerobohan tanah, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar demi memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara dapat dikekalkan. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM27 juta kepada Veteran ATM dan PDRM, RM33 juta kepada renjer komuniti Sabah dan Sarawak serta RM20 juta kepada komuniti Orang Asli.

iii. Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diwartakan pada 6 Jun 2024 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2024. Pindaan kali ini memberi keutamaan kepada hukuman, denda dan penalti melalui pewujudan denda minimum dan maksimum jika disabitkan kesalahan di bawah akta ini.

Selain itu, jumlah denda sedia ada dinaikkan sehingga RM10 juta khususnya bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan pencemaran air, pelepasan minyak, pelepasan buangan di perairan Malaysia serta pelupusan haram buangan terjadual.

iv. NRES juga sedang dalam proses menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) bagi mencapai aspirasi perubahan iklim negara serta matlamat pembangunan mampan jangka masa panjang. Buat masa ini, Kerajaan sudah pun mengambil tindakan dengan menetapkan sasaran perubahan iklim seperti sasaran pengurangan intensiti gas rumah kaca sifar bersih negara pada tahun 2050.

v. Dalam masa yang sama, NRES sedang membangunkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK). DPKK akan melengkapi pembangunan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang akan menjadi instrumen utama agar pasaran karbon negara termasuk isu pelaksanaan harga karbon dapat beroperasi dengan efektif.

12. Justeru, sebagai Kementerian yang diamanahkan sebagai 'penjaga' atau 'custodian' khazanah bumi Malaysia ini, saya ingin mengajak semua hadirin untuk bersama-sama Kementerian sebagai sebuah komuniti yang menyokong agenda pengurusan sumber asli yang lestari yang sedang dijayakan oleh NRES.

## **KEMPEN GAYA HIDUP HIJAU**

Hadirin sekalian,

13. NRES juga telah melancarkan Kempen Gaya Hidup Hijau pada tahun 2024 bagi mempromosikan gaya hidup yang mesra alam sekitar dalam berdepan dengan isu perubahan iklim yang sedang kita hadapi pada hari ini. Secara umumnya, idea mempromosi gaya hidup hijau ini adalah cara hidup yang mesra alam dan mengurangkan impak kepada persekitaran seperti pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau.
  
14. Gaya hidup ini bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada bumi, bahkan berupaya meningkatkan kesihatan jasmani, kesejahteraan masyarakat dan produktiviti secara umum. Antara contoh amalan Gaya Hidup Hijau yang sama-sama kita boleh praktikkan di pejabat atau rumah kita sendiri adalah:
  - i. menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan air;
  - ii. menguruskan sisa buangan secara lestari melalui program 3R (Reuse, Reduce dan Recycle);
  - iii. mengelakkan penggunaan Plastik Sekali Guna;
  - iv. hasil sisa makanan harian terkumpul dijadikan baja kompos; dan
  - v. membawa beg yang boleh diguna semula ke pejabat dan pasar raya
  
15. Amalan-amalan sebegini, walaupun nampak kecil, secara tidak langsung akan membantu kita dalam mengurangkan kos sara hidup seterusnya memberi penjimatan ke atas bil utiliti bulanan kita. Harapan saya agar semua pihak memainkan peranan yang lebih proaktif agar usaha-usaha penjagaan alam sekitar negara mencapai kejayaan.



16. Dalam hal ini, saya juga ingin mengajak semua untuk menjadi duta hijau atau role model di kawasan pejabat, komuniti atau kejuruan dalam menarik lebih ramai masyarakat membudayakan amalan gaya hidup hijau. Sesungguhnya setiap tindakan positif walau sekecil mana pun jika dilaksanakan secara kolektif pastinya akan membuahkan sesuatu yang lebih hijau dan lebih lestari di masa hadapan.

## **PENUTUP**

17. Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan program bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam pembangunan masyarakat Madani. Kepada pihak Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, masyarakat setempat, dan semua sukarelawan - jasa anda amat dihargai.
18. Saya berharap Program Kampung Angkat Madani akan menjadi mercu tanda kejayaan dan inspirasi Kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha pembangunan seterusnya.
19. Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Semarak Desa, Kampung Angkat MADANI NRES 2025. Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*